

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL [PERMATANG PAUH]

TARIKH : 31 OKTOBER 2016 [ISNIN]

SOALAN :

Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pembayaran pampasan oleh Kerajaan Arab Saudi kepada keluarga mangsa tragedi runtuh kren di Mekah pada musim haji tahun 2015 serta apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan pembayaran tersebut ditunaikan oleh Arab Saudi.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran pampasan kepada mangsa tragedi runtuh kren adalah hak mutlak Kerajaan Arab Saudi. Sehingga kini, pihak Kerajaan Arab Saudi masih belum memaklumkan status pembayaran pampasan kepada mangsa runtuh kren pada Musim Haji 1436H/2015M. Pihak Lembaga Tabung Haji (*TH*) hanya membantu dari segi

penyaluran maklumat berkenaan kedudukan dan status pembayaran kepada waris-waris mangsa tragedi.

Seperti yang diminta oleh pihak berkuasa Arab Saudi pada tahun lalu, **TH** telah menyerahkan senarai nama jemaah haji yang terkorban dan tercedera akibat kejadian kren runtuh tersebut bagi tujuan Kerajaan Arab Saudi mengenalpasti mangsa–mangsa dan waris mereka yang terlibat. Pihak **TH** juga sentiasa berhubung dengan dengan pihak berkuasa Arab Saudi bagi mendapatkan perkembangan semasa.

Sekian. Terima kasih.